



**SOALAN LAZIM (FAQ'S)**  
**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**  
**KEMENTERIAN ALAM SEKITAR**

- 1. Adakah sistem pelaporan atas talian JAS masih boleh dicapai dan dikemaskini sepanjang tempoh PKP ini?**

Semua sistem pelaporan atas talian JAS iaitu *Electronic Schedule Waste Information System (ESWIS)*, *Online Environmental Reporting (OER)*, *Sistem Environmental Mainstreaming Tools (MAINS)*, *Integrated Remote Monitoring System (iRemote)*, *Continuous Emission Monitoring System (CEMS)* dan *Vehicle Type Approval (VTA)* masih beroperasi seperti biasa dan akan terus dipantau oleh JAS. Sekiranya terdapat masalah capaian kepada sistem, boleh terus disalurkan permasalahan tersebut kepada <https://eaduan.doe.gov.my>.

- 2. Bagaimanakah status piagam pemprosesan bagi Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan pemprosesan input pembangunan yang sedang diproses oleh JAS?**

Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan pemprosesan input pembangunan yang sedia ada masih diproses oleh JAS. Namun tarikh tamat tempoh piagam pemprosesan akan disemak semula berikutan PKP. Maklumat tambahan yang perlu dikemukakan selepas Mesyuarat EIATRC yang telah diadakan boleh dikemukakan melalui emel kepada pegawai memproses di JAS Ibu Pejabat atau JAS Negeri. Sebarang laporan EIA atau input pembangunan yang baru hendaklah dikemukakan selepas pengumuman rasmi operasi di semua pejabat Kerajaan.

- 3. Bagaimanakah status pemprosesan lesen Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Kilang Getah Asli Mentah yang akan tamat pada 31 Mac 2020 ini?**

Pemprosesan lesen ini masih diteruskan dan lesen baru akan dikeluarkan kepada pemohon pada 1 April 2020.

**4. Adakah JAS akan terus melaksanakan program dan aktiviti seperti Rakan Alam Sekitar (RAS) sepanjang tempoh PKP?**

Semua program dan aktiviti seperti Rakan Alam Sekitar (RAS) ditangguhkan sepanjang tempoh PKP ini. Pendaftaran keahlian RAS masih boleh dilaksanakan atas talian melalui <https://ras.doe.gov.my>.

**5. Bagaimana orang awam boleh menghubungi Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) sepanjang tempoh PKP ?**

Dalam tempoh ini, hanya Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional (POCGN) yang beroperasi dan boleh dihubungi di talian 1 300 22 1628 atau 03-7967 8116 dan emel: [ukk@met.gov.my](mailto:ukk@met.gov.my) .

Orang ramai boleh memperolehi maklumat dan amaran cuaca terkini melalui laman web rasmi MET Malaysia, aplikasi myCuaca dan laman media sosial MET Malaysia.

**6. Bagaimana sekiranya orang awam atau pihak swasta ingin mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan program Green Technology Tax Incentive seperti Green Investment Tax Allowance (GITA) dan Green Income Tax Exemption (GITE)?**

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan, Malaysian Green Technology & Climate Change centre (MGTC) akan beroperasi secara terhad bermula pada 18 hingga 31 Mac 2020. Walaubagaimanapun Pegawai-Pegawai kami akan bekerja dari rumah (work from home) bagi memastikan perkara penting dapat dilaksanakan dan diberi perhatian. Orang ramai boleh berhubung melalui [info@greentechmalaysia.my](mailto:info@greentechmalaysia.my) bagi mendapatkan sebarang maklumat berkaitan MGTC manakala bagi bidang kerja khusus pegawai yang bertanggungjawab adalah seperti di bawah:

**Green Investment Tax Allowance (GITA) & Green Income Tax Exemption (GITE)**

Pegawai sekretariat:

- i. Puan Rosmah Binti Mamak Rapi – [rosmah@greentechmalaysia.my](mailto:rosmah@greentechmalaysia.my)
- ii. Puan Siti Fatimah Noor Binti Saidin – [sitifatihmah@greentechmalaysia.my](mailto:sitifatihmah@greentechmalaysia.my)

**Pembiayaan Hijau / Green Technology Financing Scheme (GTFS)**

Laman sesawang: <https://www.gtfs.my/>

Pegawai sekretariat:

- i. Puan Azlina Binti Hashim– [azlina.hashim@greentechmalaysia.my](mailto:azlina.hashim@greentechmalaysia.my)
- ii. Encik Khairul Ikhwan Bin Jamaludin– [ikhwan@greentechmalaysia.my](mailto:ikhwan@greentechmalaysia.my)

**Pelabelan & Persijilan Hijau (MyHIJAU)**

Laman sesawang [www.myhijau.my](http://www.myhijau.my)

Pegawai sekretariat:

- i. Puan Nur Syahira Binti Abdul Rahim– [nursyahira@greentechmalaysia.my](mailto:nursyahira@greentechmalaysia.my)

- ii. Encik Syamiullah Bin Mohamed Gani – [syamiullah@greentechmalaysia.my](mailto:syamiullah@greentechmalaysia.my)

### **Pembangunan Modal Insan & Kompetensi (Green Trainings)**

Cik Noriza Binti Adli – [noriza@greentechmalaysia.my](mailto:noriza@greentechmalaysia.my)

#### **7. Bagaimana sekiranya pihak swasta atau orang awam ingin mendapatkan maklumat mengenai inisiatif kenderaan elektrik?**

Orang awam yang ingin mendapatkan maklumat mengenai kemudahan pengecas kenderaan elektrik (ChargeEV) boleh berhubung melalui :

Laman sesawang: <https://chargev.chargev.my/>

Email: [chargev@greentechmalaysia.my](mailto:chargev@greentechmalaysia.my)

Hotline: +6010-2130 387

#### **8. Adakah pegawai kementerian dibenarkan memasuki premis pejabat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Pegawai perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan KAS untuk memasuki premis sekiranya terdapat keperluan mendesak.

#### **9. Adakah inouis tuntutan yang dikemukakan oleh pembekal bagi perkhidmatan yang telah disempurnakan akan diproses dalam tempoh PKP?**

Inouis tuntutan bayaran akan diproses sewajarnya.

#### **10. Adakah Kementerian Alam Sekitar (KAS) akan beroperasi seperti biasa semasa Perintah Kawalan Pergerakan dari 18 – 31 Mac 2020?**

Sebagai langkah mengawal penularan wabak COVID-19 dan selaras dengan Arahan Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pegawai dan kakitangan sokongan KAS akan berkerja dari rumah sepanjang tempoh perintah tersebut. Memandangkan bangunan rasmi KAS belum lagi beroperasi secara rasmi, sebarang soalan umum berkaitan program/aktiviti kementerian boleh diajukan melalui emel [farid@mestecc.gov.my](mailto:farid@mestecc.gov.my) dan [rosmahyuddin@gmail.com](mailto:rosmahyuddin@gmail.com) atau membuat panggilan ke talian hotline sementara kementerian di talian hotline JAS bebas tol 1-800-88-2727.

#### **11. Bagaimanakah orang awam boleh menghubungi KAS sekiranya ingin mengajukan pertanyaan spesifik atau khusus berkaitan dasar dan bidang kuasa/fungsi Kementerian?**

Bagi pertanyaan spesifik atau khusus berkaitan bidang kuasa/fungsi KAS boleh diajukan kepada *Person In Charge* (PIC) seperti berikut:

##### **Bahagian Perubahan Iklim**

- i. Encik Ahmad Farid Mohammed – [farid@mestecc.gov.my](mailto:farid@mestecc.gov.my)

**Bahagian Kawalan Pencemaran**

- i. Encik Eddy Mazuaansyah Bin Mohd Ali Murad [eddyms@mestecc.gov.my](mailto:eddyms@mestecc.gov.my)

**Bahagian Eko-Inovasi**

- i. Puan Hartini Mohd Nasir – [hartini.nasir@mestecc.gov.my](mailto:hartini.nasir@mestecc.gov.my)

**Unit Pelaporan Inventori Gas Rumah Kaca**

- i. Puan Dayang Ratnasari Abu Bakar – [ratnasari@mestecc.gov.my](mailto:ratnasari@mestecc.gov.my)

**Unit Pengurusan Lautan Lestari**

- i. Encik Husni Alhan Md Salimun – [husni@mestecc.gov.my](mailto:husni@mestecc.gov.my)

**12. Bagaimana orang awam boleh menghubungi Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi sebarang pertanyaan atau aduan mengenai alam sekitar?**

Orang awam yang ingin mengemukakan aduan berkaitan sebarang pencemaran di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) boleh menghubungi Bilik Kawalan Operasi JAS di talian 03-8889 1972 atau talian hotline bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi setiap hari selama 24 jam.

Aduan juga boleh disalurkan secara atas talian melalui sistem e-aduan yang boleh diakses melalui capaian berikut <https://eaduan.doe.gov.my>. Aduan juga boleh disalurkan melalui emel kepada [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my)

**KEMENTERIAN ALAM SEKITAR  
20 MAC 2020**